# Akta 520 CIDB Kewajipan Kontraktor - Seksyen 34B (1)



Seseorang kontraktor yang mengusahakan apa-apa kerja pembinaan hendaklah :

a) Memberitahu & mengemukakan kepada Lembaga apa-apa maklumat dan dokumen, termasuk apa-apa dokumen sokongan yang berhubungan dengan kerja pembinaan itu, sama ada baru atau sebaliknya, mengikut Akta ini.

b) Memastikan kerja pembinaan dijalankan mengikut peruntukan Akta ini, mana-mana peraturan, terma dan syarat yang dikenakan oleh Lembaga dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

c) Memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan sama ada semasa atau selepas kerja pembinaan.

# Akta 520 CIDB Kewajipan Kontraktor - Seksyen 34B (2)



Bagi maksud Seksyen ini, “memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan” ertinya memastikan mana-mana bangunan atau kerja pembinaan yang sedang dijalankan atau telah dijalankan dengan apa-apa cara seperti berikut :

a) Tidak menyebabkan / mengancam untuk menyebabkan risiko kecederaan kepada mana-mana orang atau kerosakan kepada apa-apa harta.

b) Tidak menyebabkan / mengancam untuk menyebabkan keruntuhan keseluruhan atau sebahagian :

i. bangunan yang berkenaan dengan kerja pembinaan itu sedang dijalankan atau telah dijalankan

ii. Apa-apa bangunan, jalan atau pembentukan semula jadi lain yang bertentangan, selari, bersebelahan atau rapat dengan mana-mana bahagian bangunan atau kerja pembinaan itu.